

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2025**

**MPP 3
PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2**

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



Bahagian A
[60 markah]

Jawab semua soalan.


- 1 (a) Pernyataan berikut berkaitan subbidang dalam perakaunan.

Subbidang Perakaunan	Pernyataan
A	Membuat pelaporan mengikut piawaian MASB
B	Memeriksa setiap rekod kewangan disertakan dokumen sumber

Nyatakan subbidang perakaunan bagi A dan B.

[2 markah]

- (b) Berikut ialah aliran dokumen bagi Perniagaan Jelly yang menjalankan urus niaga secara kredit kepada Syarikat Bunny.



Apakah dokumen bagi C dan D?

[2 markah]

- (c) Berikan dua faktor Aset Bukan Semasa mengalami kemerosotan nilai.

[2 markah]

- (d) Baki berikut diambil daripada perniagaan Najla Enterprise pada 31 Mei 2025.

	RM
Aset	80 000
Liabiliti	23 600

Hitung modal awal jika perniagaan mengalami kerugian sebanyak RM4 320.

[2 markah]

- (e) Nyatakan dua komponen Kos Prima.

[2 markah]

- 2 Persatuan Pencinta Alam Paka telah menjalankan perniagaan kiosk di Pantai Paka bagi menambah dana kelab. Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku akaun kelab:

	1 Julai 2024 (RM)	30 Jun 2025 (RM)
Rumah kelab	220 000	220 000
Perabot	2 100	2 350
Yuran ahli belum terima	310	270
Yuran ahli belum terperoleh	280	260
Kadar bayaran prabayar	-	57
Inventori alat tulis	73	-
Inventori kiosk	8 900	8 720
Akaun Belum Bayar	440	745

Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 adalah seperti berikut:

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2025

	RM		RM
Baki b/b	2 186	Perabot	890
Yuran masuk	420	Belian kiosk	6 070
Yuran ahli	16 200	Akaun Belum Bayar	2 340
Derma	1 080	Upah pembantu kiosk	12 000
Jualan kiosk	66 470	Kadar bayaran	500
		Alat tulis	68
		Sewa kiosk	2 400

Maklumat tambahan:

- (i) Yuran lapuk sebanyak RM110
- (ii) Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan modal.
- (iii) Kadar bayaran termasuk RM215 untuk kiosk.
- (iv) Jualan tunai RM150 terlupa rekod.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran ahli [4 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [2 markah]
- (c) Akaun Perdagangan Kiosk bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 [6 markah]
- (d) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 [8 markah]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025 (bahagian Dana Terkumpul) [5 markah]

- 3 (a) Encik Hanifah pemilik perniagaan Hanifah Gadget menerima Penyata Bank bagi bulan Jun 2025. Beliau mendapati baki akhir Penyata Bank berbeza dengan baki Buku Tunai seperti berikut:

	RM
Penyata bank	19 042
Buku Tunai	18 420

Setelah beliau membandingkan Penyata Bank dengan Buku Tunai, perkara berikut ditemui:

- (i) Deposit cek RM1 180 daripada Lily Trading pada 30 Mei 2025 belum dikreditkan oleh bank.
- (ii) Bank telah membayar premium insurans RM325 dan ansuran pinjaman RM650 bagi pihak perniagaan menggunakan perkhidmatan perintah sedia ada.
- (iii) Sekeping cek RM870 dibayar kepada Aiman Trading telah dicatatkan RM780 dalam Buku Tunai.
- (iv) Cek RM1 200 untuk bayaran sewa dan RM1 520 kepada Anip Enterprise belum dikemukakan kepada bank.
- (v) Cek RM1 500 yang diterima daripada Amer Teknologi telah dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh bayar".
- (vi) Cek RM700 daripada AZ Telco telah dikreditkan oleh bank dan direkodkan di sebelah kredit Buku Tunai.
- (vii) Perkara-perkara berikut belum direkodkan dalam Buku Tunai :

Faedah simpanan	RM112
Caj bank	RM35
Komisen diterima	RM170

Anda dikehendaki:

- (a) Mengemaskini Buku Tunai. [10 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2025. [5 markah]

3(b) Maklumat berikut diperolehi daripada rekod perakaunan Aisya Trading pada 31 Mei 2025:

(i)	2025		RM
	Mei 1	Baki debit Lejar Jualan	2 620
	31	Jualan tunai	12 960
		Jumlah Jurnal Jualan	10 300
		Jumlah Jurnal Belian	3 600
		Jumlah Jurnal Pulangan Jualan	160
		Jumlah Jurnal Pulangan Belian	290
		Diskaun diberi	170
		Diskaun diterima	280
		Baki kredit Lejar Belian	5 300
		Baki debit Lejar Jualan	4 970

(ii)

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2025		RM	RM
Mei 10	Akaun Belum Terima: Kedai Ikram Faedah dikenakan (Pelanggan dikenakan caj atas hutang tertunggak)	140	140
21	Hutang lapuk Akaun Belum Terima: Iyyad Enterprise (Hutang lapuk dihapus kira)	310	310
24	Akaun Belum Terima: Kedai Ikram Diskaun diberi (Diskaun diberi dibatalkan)	100	100
30	Hutang ragu Peruntukan hutang ragu (Peruntukan hutang ragu diwujudkan)	170	170

(iii) **Maklumat tambahan:**

Sekeping cek RM1 640 daripada Kedai Ikram tidak dilayan oleh bank.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima.

[10 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini*

- 4 Puan Alya Maisarah merupakan pemilik Alma Florist yang membekalkan pelbagai bahan dekorasi di Kemasek, Terengganu. Beliau telah menyediakan maklumat berikut bagi tahun berakhir 31 Mac 2025.

Baki pada 1 April 2024	RM
Kenderaan (kos)	60 400
Susut nilai terkumpul kenderaan	9 060
Inventori	16 200
Premis (kos)	120 000
Lengkapan kedai (kos)	23 000
Susut nilai terkumpulengkapan	2 300
Peruntukan hutang ragu	210
Modal	177 000

Baki pada 31 Mac 2025	RM
Belian	68 500
Jualan	96 500
Pulangan masuk	340
Angkutan masuk	420
Gaji pekerja	25 400
Akaun Belum Terima	14 500
Akaun Belum Bayar	30 650
Kadar bayaran	6 540
Insurans	1 440
Sewa diterima	10 000
Bank	(1 660)
Tunai	640
Pinjaman 6%	10 000

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mac 2025 dinilai seperti berikut:

Kad Inventori	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
A	5 800	5 940
B	6 550	9 380
C	12 200	11 800
Jumlah	24 550	24 620

- (ii) Kadar bayaran yang dibayar termasuk kadar bayaran rumah kediaman pemilik RM540.

- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima.
- (iv) Pada 1 Februari 2025, pemilik telah menggunakan wang peribadi RM3 000 untuk membeliengkapan kedai. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (v) Polisi perniagaan menetapkan susut nilai dikira sepenuhnya pada tahun kewangan pembelian aset bukan semasa tersebut.

Aset bukan semasa	Kadar susut nilai setahun	Kaedah
Lengkapan kedai	20%	Garis lurus
Kenderaan	10%	Baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2025
[10 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2025. (Tunjukkan modal kerja)
[10 markah]

- 5(a) Zaidi dan Harun adalah pekongsi bagi ZH Dobi. Mereka berkongsi untung atau rugi mengikut nisbah 2:1. Pada 31 Mei 2025, ZH Dobi dibubarkan. Berikut ialah Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh tersebut:

ZH Dobi				
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2025				
	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			Ekuiti Pemilik	
Kenderaan	72 000		Akaun Modal Zaidi	146 000
Premis	142 000		Akaun Modal Harun	104 000
Lengkapan	50 700			250 000
		264 700	Akaun Semasa Zaidi	36 180
Aset Semasa			Akaun Semasa Harun	26 860
Inventori	16 200			63 040
Tunai	390		Liabiliti Semasa	313 040
Akaun Belum Terima	25 300		Akaun Belum Bayar	20 100
Bank	35 400	77 290	Promosi belum bayar	850
			Pinjaman Zaidi	8 000
				28 950
		341 990		341 990

Maklumat tambahan berkaitan pembubaran:

- Zaidi telah mengambil alih premis dengan harga RM95 000 manakala Harun telah mengambil alih kenderaan dengan harga RM30 000.
- Lengkapan dan inventori telah berjaya dijual dengan harga RM40 600 dan RM6 500 masing-masing.
- Akaun Belum Terima telah berjaya dikutip berjumlah RM15 700 setelah memberi diskaun RM700, manakala bakinya dianggap sebagai hutang lapuk.
- Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya oleh Harun dan menerima diskaun 10%.
- Pinjaman Zaidi dan promosi belum bayar telah dijelaskan sepenuhnya setelah aset direalis dengan sempurna.
- Sekeping bil telefon RM210 yang belum dijelaskan telah dijumpai semasa pembubaran.
- Kos pembubaran RM1 600 dibayar dengan cek.
- Pekongsi perlu membawa masuk tunai tambahan untuk menampung kekurangan dalam Akaun Modal.
- Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Realisasi.

[10 markah]

- 5(b) Syarikat Bessi Berhad merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan import eksport barangan elektronik. Pada 10 Mei 2024, syarikat telah menerbitkan syer seperti berikut:

Jenis Syer	Kuantiti (Unit)	Harga Sesyer (RM)
6% Syer Keutamaan	800 000	2.00
Syer Biasa	550 000	1.50

Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 1 Jun 2024.

Lembaga pengarah telah bersetuju untuk membayar dividen interim pada 31 Oktober 2024 dan dividen akhir pada tempoh perakaunan yang berakhir pada 30 April 2025 kepada semua pemegang syer. Kadar dividen bagi Syer Biasa telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) Dividen interim 4 sen seunit
- (ii) Dividen akhir pada kadar 5%

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh. [2 markah]
- (ii) Dividen interim 6% Syer Keutamaan dan Syer Biasa. [4 markah]
- (iii) Dividen akhir 6% Syer Keutamaan dan Syer Biasa. [4 markah]

- 6(a) Perniagaan Biskut Nana menghasilkan dan menjual pelbagai jenis biskut di Kuala Terengganu. Maklumat berikut diperolehi bagi bulan April 2025:

	RM
Sewa bangunan kilang	6 500
Kos tetap lain	4 500
Bahan mentah	5.50 seunit
Buruh kilang	3.50 seunit
Belanja langsung	2.00 seunit
Harga jualan	31.00 seunit
Unit jualan	1 500 unit

Anda dikehendaki:

(a) Menghitung:

- (i) Jumlah kos tetap [2 markah]
- (ii) Kos berubah seunit [2 markah]
- (iii) Titik pulang modal [2 markah]

(b) Lakarkan graf titik pulang modal [4 markah]

- 6(b) Encik Hashrul ialah pemilik Perniagaan Nerus LED di Wakaf Tembesu, Kuala Nerus. Dokumen berikut menunjukkan urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Januari 2025.

SALINAN		INV 2071		
INVOIS PERNIAGAAN NERUS LED No. 3 Jalan Tunjang, 26000 Kuala Nerus, Terengganu Tel: 09-6665576				
				Tarikh: 8 Januari 2025
Kepada: Kedai Lampu Faris, 111 Jalan Desa, 25000 Kuala Terengganu.				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Lampu Siling LED	15	150.00	2 250.00
2	Lampu Perhiasan	7	250.00	1 750.00
3	Lampu Meja	10	100.00	1 000.00
				5 000.00
Tolak: Diskaun niaga 5%				250.00
JUMLAH				4 750.00
Ringgit Malaysia: Empat ribu tujuh ratus lima puluh sahaja				
Syarat: 10% 15 hari, 2% 30 hari				
Serahan: Angkutan dibayar				
K & K di K.				
<u>Faris</u> (Penerima)		Hashrul (Pengurus)		

MEMO**PERNIAGAAN NERUS LED**

No. 3 Jalan Tunjang,
26000 Kuala Nerus,
Terengganu
Tel: 09-6665576

Kepada: Pengurus Akaun

Daripada: Hashrul bin Ahmadi

Tarikh: 11 Januari 2025

Perkara:

Pemilik mengambil wang tunai RM350 untuk menjelaskan bil elektrik kediaman.

Hashrul
(Pemilik)

Dokumen 2**SALINAN**

NK 653

NOTA KREDIT**PERNIAGAAN NERUS LED**

No. 3 Jalan Tunjang,
26000 Kuala Nerus,
Terengganu
Tel: 09-6665576

Tarikh: 13 Januari 2025

Kepada:

Kedai Lampu Faris,
111 Jalan Desa,
25000 Kuala Terengganu.

Akaun tuan/puan telah dikreditkan seperti berikut:

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Lampu meja (Dipulangkan kerana rosak)	2	100.00	200.00
JUMLAH				200.00

Ringgit Malaysia: Dua ratus sahaja

Faris
(Penerima)

Hashrul
(Pengurus)

Dokumen 3

SALINAN	No. 0011
RESIT RASMI PERNIAGAAN NERUS LED No. 3 Jalan Tunjang, 26000 Kuala Nerus, Terengganu Tel: 09-6665576	
Tarikh: 23 Januari 2025	
Diterima daripada	: Kedai Lampu Faris
Ringgit Malaysia	: Dua ribu lima ratus sahaja
Untuk bayaran	: Menjelaskan sebahagian invois 2071
RM2 500	
Tunai / No. cek	: 666353
Hashrul (Pemilik)	

Dokumen 4

Tarikh	: 28 Januari 2025	
Penerima	: Hashrul Bin Ahmadi	
Untuk	: Kegunaan Perniagaan	
	Ringgit	Sen
Baki	28 000	00
Deposit	-	-
Jumlah	28 000	00
Cek ini	1 200	00
Baki akhir	26 800	00
No. Cek 666354	KERATAN CEK	

Dokumen 5

Anda dikehendaki mengepos urus niaga berdasarkan dokumen di atas ke lejar berkenaan. (tidak perlu diimbangkan)

[10 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT